

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Juslie bin Ajirol
[Libaran]**

TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 126

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pembinaan jalan luar bandar dan kampung, penyaluran bekalan air dan elektrik serta penambahbaikan prasarana lain bagi kawasan luar bandar di seluruh negara dan di Parlimen Libaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikut dikemukakan status pencapaian NKRA Nasional bermula dari tahun 2010 sehingga **30 April 2014**:

- i. **Program Jalan Luar Bandar (JALB)** : Sepanjang **4,156.01km** jalan telah siap dibina
- ii. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** : Sebanyak **329,664 buah rumah** telah menerima bekalan air bersih/terawat
- iii. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** : Sebanyak **116,498 buah rumah** telah menerima bekalan elektrik 24 jam.

Manakala projek khusus bagi Parlimen Libaran, Program JALB telah melaksanakan sepanjang 46.82km jalan, sebanyak 3,704 buah telah mendapat bekalan air bersih melalui Program BALB dan sejumlah 283 buah rumah mendapat manfaat daripada Program BELB.